

D.R. 31/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG
REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1996**

SUSUNAN FASAL

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Takat pemakaian.
3. Tafsiran.

**BAHAGIAN II
PENTADBIRAN**

4. Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar.
5. Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian.
6. Daftar Reka Bentuk Perindustrian.
7. Notis tentang amanah.
8. Pemeriksaan Daftar.
9. Salinan terperaku menjadi keterangan.

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN**

10. Pemunyaan reka bentuk perindustrian berdaftar.
11. Hak untuk memohon dan mendapatkan pendaftaran.
12. Reka bentuk perindustrian yang boleh didaftarkan.
13. Reka bentuk perindustrian yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral.

Fasal

14. Permohonan pendaftaran.
15. Permohonan berbilang.
16. Tarikh pemfailan.
17. Tarikh prioriti dan hak prioriti di bawah triti atau konvensyen.
18. Penarikan balik permohonan.
19. Pindaan permohonan,
20. Pembahagian permohonan selepas pindaan.
21. Penelitian.
22. Pendaftaran dan penyiaran.
23. Pendaftaran reka bentuk perindustrian yang sama berkenaan dengan barang-barang lain.
24. Pembedulan Daftar.

BAHAGIAN IV

TEMPOH PENDAFTARAN

25. Tempoh pendaftaran,
26. Kemasukan semula pendaftaran luput.
27. Pembatalan pendaftaran dan pemberian lesen wajib.
28. Perintah Mahkamah.

BAHAGIAN V

HAK PEMUNYA, PENYERAHHAKAN DAN PERPINDAHAN

29. Hak pemunya adalah harta sendiri.
30. Pendaftaran penyerahhakan, perpindahan atau kuatkuasa lain di sisi undang-undang.
31. Pemunyaan bersama,

BAHAGIAN VI

PELANGGARAN

32. Pelanggaran reka bentuk perindustrian berdaftar.
33. Prosiding pelanggaran.
34. Pembelaan dalam tindakan pelanggaran,
35. Remedi bagi pelanggaran.

BAHAGIAN VII
KESALAHAN

Fasal

36. Pemalsuan Daftar, dsb.
37. Pernyataan palsu tentang pendaftaran.
38. Penggunaan nama "Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian".
39. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

BAHAGIAN VIII
KUASA-KUASA LAIN PENDAFTAR

40. Pindaan reka bentuk perindustrian berdaftar.
41. Kuasa am Pendaftar.
42. Penjalanan kuasa budi bicara.
43. Pelanjutan masa.

BAHAGIAN IX
PELBAGAI

44. Penyampaian melalui pos.
45. Ejen.
46. Rayuan.
47. Peraturan-peraturan.
48. Negara konvensyen.
49. Peruntukan pemansuhan dan kecualian.
50. Peralihan.

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian di Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

2. Akta ini hendaklah terpakai bagi permohonan untuk mendaftarkan reka bentuk perindustrian yang dibuat selepas Akta ini mula berkuatkuasa dan bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian yang dibuat berasaskan permohonan itu.

Takat pemakaian.

3. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"barang" ertinya apa-apa barang perkilangan atau kraftangan dan termasuklah mana-mana bahagian barang atau kraftangan itu jika bahagian itu dibuat dan dijual berasingan;

"berdaftar" ertinya berdaftar di bawah Akta ini;

"Daftar" ertinya Daftar Reka Bentuk Perindustrian yang disimpan di bawah Akta ini;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan jika tiada cara dinyatakan, ertinya ditetapkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi atau seorang hakim Mahkamah Tinggi;

"negara konvensyen" ertinya suatu negara yang berkenaan dengannya sedang berkuatkuasa suatu perintah di bawah seksyen 48 yang mengisytiharkannya sebagai suatu negara konvensyen bagi maksud Akja ini;

"pemunya" ertinya orang yang didaftarkan sebagai pemunya reka bentuk perindustrian berdaftar atau, jika terdapat dua orang sedemikian atau lebih, setiap orang daripada mereka;

"pemunya asal" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh seksyen 10;

"Pendaftar", "Timbalan Pendattar" dan "Penolong Pendaftar" masing-masing ertinya Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian, Timbalan Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian dan Penolong Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian yang dilantik di bawah seksyen 4;

"pencipta" ertinya orang yang mencipta sesuatu reka bentuk;

"pernyataan kebarharuan", berhubungan dengan sesuatu reka bentuk perindustrian, ertinya pernyataan yang berhubungan dengan representasi sesuatu barang yang padanya reka bentuk perindustrian itu digunakan yang menunjukkan ciri-ciri representasi itu yang berkenaan dengannya kebarharuan dituntut;

"reka bentuk perindustrian" ertinya ciri bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa proses atau cara perindustrian, iaitu ciri yang, pada barang siap, merupakan ciri yang menarik dan dinilai dengan pandangan mata, tetapi tidak termasuk—

- (a) kaedah atau prinsip pembinaan; atau
- (b) ciri bentuk atau tatarajah sesuatu barang yang—
 - (i) ditentukan semata-mata oleh fungsi yang perlu dilakukan oleh barang itu; atau
 - (ii) bergantung kepada rupa suatu barang lain dan barang itu dimaksudkan oleh pencipta reka bentuk itu untuk menjadi suatu bahagian yang perlu dalam barang lain itu;

"reka bentuk perindustrian berdaftar" ertinya suatu reka bentuk perindustrian yang didaftarkan di bawah Akta ini;

"representasi", berhubungan dengan suatu barang yang padanya reka bentuk perindustrian digunakan, ertinya lukisan, surihan atau spesimen barang yang padanya reka bentuk perindustrian itu digunakan atau gambar foto bagi lukisan, surihan atau spesimen itu;

"set barang" ertinya sebilangan barang yang sama sifat umumnya dan biasanya dijual bersama-sama, atau dimaksudkan untuk digunakan bersama-sama, iaitu barang yang pada setiap satunya digunakan suatu reka bentuk perindustrian yang sama seperti, atau yang berlainan hanya dari segi butir-butir tak material atau ciri-ciri yang biasanya digunakan dalam perdagangan yang relevan daripada, reka bentuk perindustrian yang digunakan terhadap barang lain atau terhadap mana-mana barang itu;

"wakil diri di sisi undang-undang", berhubungan dengan orang yang telah mati, ertinya orang yang kepadanya probet wasiat oleh orang yang telah mati itu, surat pentadbiran harta pusaka orang yang telah mati itu atau pemberian lain yang seumpamanya, telah diberikan, sama ada di Malaysia atau di tempat lain.

(2) Sebutan tentang sesuatu barang dalam Akta ini hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan tentang—

- (a) suatu set barang;
- (b) setiap barang dalam suatu set barang; dan
- (c) suatu set barang dan setiap barang dalam set itu, kedua-duanya, mengikut kehendak keadaan.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Pendaftar,
Timbalan
Pendaftar
dan Penolong
Pendaftar.

4. (1) Menteri boleh melantik seorang Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian yang hendaklah diberi kuasa dan fungsi bagi pentadbiran yang sepatutnya Akta ini.

(2) Menteri boleh memberi Pendaftar apa-apa arahan yang konsisten dengan peruntukan Akta ini tentang penjalanan dan pelaksanaan kuasa dan fungsi berhubungan dengan apa-apa perkara yang didapatinya kena mengenai dengan kemajuan reka bentuk perindustrian dan perkara lain yang berkaitan dengannya dan Pendaftar hendaklah melaksanakan apa-apa arahan sedemikian.

(3) Menteri boleh melantik apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian yang perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dan Timbalan Pendaftar itu, tertakluk kepada kawalan Pendaftar, hendaklah mempunyai segala kuasa dan fungsi Pendaftar di bawah Akta ini kecuali kuasa perwakilan yang disebut dalam subseksyen (5).

(4) Menteri boleh melantik apa-apa bilangan Penolong Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian yang perlu untuk melaksanakan peruntukan Akta ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

(5) Pendaftar boleh, berhubungan dengan sesuatu perkara atau kelas perkara tertentu, mewakilkan kepada seseorang Penolong Pendaftar secara bertulis di bawah

tandatangannya semua atau mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Akta ini, kecuali kuasa pewakilannya, tetapi perwakilan yang dibuat di bawah subseksyen ini boleh dibatalkan menurut budi bicara Pendaftar dan tidaklah menghalang penjalanan kuasa atau fungsi itu oleh Pendaftar atau mana-mana Timbalan Pendaftar.

(6) Pendaftar hendaklah mempunyai meterai dengan reka bentuk yang diluluskan oleh Menteri dan teraan meterai itu hendaklah diberi pengiktirafan kehakiman dan diterima sebagai keterangan.

5. (1) Bagi maksud Akta ini, maka hendaklah ditubuhkan suatu Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian yang hendaklah menjadi pejabat Pendaftar. Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian.

(2) Pendaftar hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian.

(3) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan apa-apa bilangan pejabat cawangan bagi Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian yang didapatinya perlu bagi maksud Akta ini.

(4) Apa-apa permohonan atau dokumen lain yang dikehendaki atau dibenarkan difailkan di Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian boleh difailkan di mana-mana pejabat cawangan Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian dan permohonan atau dokumen lain itu hendaklah disifatkan telah difailkan di Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian.

6. (1) Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang dinamakan Daftar Reka Bentuk Perindustrian. Daftar Reka Bentuk Perindustrian.

(2) Maka hendaklah dicatatkan dalam Daftar—

(a) nama dan alamat pemunya reka bentuk perindustrian berdaftar;

- (b) notis penyerahhakan dan perpindahan reka bentuk perindustrian berdaftar; dan
- (c) apa-apa perkara lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa atau yang difikirkan perlu oleh Pendaftar.

(3) Daftar hendaklah disimpan dalam bentuk dan pada bahan yang ditetapkan.

Notis tentang amanah.

7. Notis tentang sesuatu amanah, sama ada nyata, tersirat atau konstruktif, tidak boleh dicatatkan dalam Daftar atau disetujui terima oleh Pendaftar.

Pemeriksaan Daftar.

8. (1) Daftar hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh orang ramai pada masa yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan.

(2) Salinan atau cabutan yang diperakui benar bagi mana-mana catatan dalam Daftar yang dimeterai dengan meterai Pendaftar hendaklah diberikan kepada mana-mana orang yang menghendakinya apabila fee yang ditetapkan dibayar.

Salinan terperaku menjadi keterangan.

9. (1) Daftar hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi semua perkara yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh Akta ini untuk dicatatkan di dalamnya.

(2) Pendaftar boleh membekalkan satu salinan atau cabutan—

- (a) mana-mana catatan atau dokumen dalam Daftar; atau
- (b) dokumen atau penerbitan di Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian,

yang diperakui secara bertulis di bawah tandatangan dan meterainya sebagai salinan atau cabutan benar.

(3) Salinan atau cabutan yang telah diperakui dan dimeteraikan sedemikian boleh diterima sebagai keterangan yang sama sahnyanya dengan salinan asal dalam semua mahkamah dan prosiding tanpa dibuktikan selanjutnya atau dikemukakan salinan asal.

(4) Pendaftar boleh memperakui secara bertulis di bawah tandatangan dan meterainya—

- (a) bahawa sesuatu catatan, perkara atau benda yang dikehendaki supaya dibuat atau dilakukan atau tidak dibuat atau tidak dilakukan, di bawah Akta ini, sudah atau telah tidak, mengikut mana-mana yang berkenaan, dibuat atau dilakukan; atau
- (b) bahawa sesuatu buku, dokumen atau penerbitan di Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian ada disediakan untuk pemeriksaan oleh orang ramai pada tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu,

dan perakuan itu hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* tentang perkara yang dinyatakan dalam perakuan itu dalam mana-mana prosiding undang-undang.

BAHAGIAN III

PENDAPTARAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

10. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, pencipta sesuatu reka bentuk perindustrian hendaklah dianggap sebagai pemunya asal reka bentuk perindustrian itu bagi maksud Akta ini.

Pemunyaan reka bentuk perindustrian berdaftar.

(2) Jika suatu reka bentuk perindustrian dicipta menurut tempahan bagi suatu wang atau nilai wang, orang yang menempah reka bentuk perindustrian itu hendaklah dianggap sebagai pemunya asal reka bentuk perindustrian itu, tertakluk kepada apa-apa perjanjian yang sebaliknya antara kedua-dua pihak itu.

(3) Jika, dalam keadaan yang tidak terangkum dalam subseksyen (2), suatu reka bentuk perindustrian dicipta oleh seorang pekerja dalam tempoh penggajiannya, majikannya hendaklah dianggap sebagai pemunya asal reka bentuk perindustrian itu, tertakluk kepada apa-apa perjanjian yang sebaliknya antara kedua-dua pihak itu.

(4) Pemunya asal sesuatu reka bentuk perindustrian atau pemegang serahhak apa-apa kepentingan dalam sesuatu reka bentuk perindustrian boleh menyerahkan

secara bertulis kepada orang lain keseluruhan atau mana-mana bahagian kepentingannya mengenai reka bentuk perindustrian itu.

(5) Jika sesuatu reka bentuk perindustrian, atau hak untuk menggunakan sesuatu reka bentuk perindustrian pada apa-apa barang, menjadi terletakhak sama ada secara penyerahhakan, perpindahan atau kuatkuasa undang-undang, pada mana-mana orang selain daripada pemunya asal, sama ada berseorangan atau berse sama dengan pemunya asal, maka orang lain itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, pemunya asal dan orang lain itu hendaklah dianggap bagi maksud seksyen 11 sebagai pemunya asal reka bentuk perindustrian itu atau sebagai pemunya asal reka bentuk perindustrian berkaitan dengan barang itu.

(6) Bagi sesuatu reka bentuk perindustrian yang dihasilkan oleh komputer dalam keadaan tiada pencipta manusia, orang yang membuat perkiraan yang perlu untuk mencipta reka bentuk perindustrian itu hendaklah dianggap sebagai penciptanya.

Hak untuk memohon dan mendapatkan pendaftaran.

11. (1) Pemunya asal sesuatu reka bentuk perindustrian adalah berhak untuk membuat permohonan untuk mendaftarkan reka bentuk perindustrian itu.

(2) Jika dua orang atau lebih mempunyai kepentingan mengenai suatu reka bentuk perindustrian, semua orang yang mempunyai kepentingan itu, yang bertindak berse sama, adalah berhak membuat permohonan untuk mendaftarkan reka bentuk perindustrian itu, tertakluk kepada apa-apa perjanjian yang sebaliknya antara mereka.

Reka bentuk perindustrian yang boleh didaftarkan.

12. (1) Tertakluk kepada Akta ini, sesuatu reka bentuk perindustrian hanya boleh didaftarkan jika ia baharu.

(2) Sesuatu reka bentuk perindustrian yang baginya suatu permohonan bagi pendaftaran telah dibuat tidak boleh dianggap baharu jika, sebelum tarikh prioriti

permohonan itu, ia atau suatu reka bentuk perindustrian yang berbeza daripadanya hanya dari segi butir-butir tak material atau dari segi ciri-ciri yang biasa digunakan dalam perdagangan yang relevan—

- (a) telah dizahirkan kepada awam di mana-mana jua di Malaysia; atau
- (b) merupakan hal perkara suatu permohonan lain untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian yang difailkan di Malaysia tetapi mempunyai suatu tarikh prioriti yang lebih awal yang dibuat oleh pemohon lain setakat yang hal perkara itu termasuk dalam pendaftaran yang telah diberikan berasaskan permohonan lain itu.

(3) Bagi maksud perenggan 2(a), suatu reka bentuk perindustrian tidak boleh disifatkan sebagai telah dizahirkan kepada awam semata-mata dengan sebab bahawa, dalam tempoh enam bulan sebelum tarikh pemfailan suatu permohonan bagi pendaftaran—

- (a) ia dipamerkan dalam pameran rasmi atau pameran yang diiktiraf; atau
- (b) ia telah dizahirkan oleh seseorang selain daripada pemohon atau pendulunya dalam hakmilik akibat daripada suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh orang itu atau orang lain.

13. Reka bentuk perindustrian yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral tidak boleh didaftarkan.

Reka bentuk perindustrian yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral.

14. (1) Sesuatu permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian—

Permohonan untuk mendapatkan pendaftaran.

- (a) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian;

- (b) hendaklah disertakan dengan representasi, mengikut bilangan yang ditetapkan, barang yang padanya reka bentuk perindustrian itu digunakan;
- (c) hendaklah mengandungi pernyataan kebaruaran berkenaan dengan reka bentuk perindustrian yang berkaitan dengan permohonan; dan
- (d) hendaklah disertakan dengan bayaran fee pemfailan yang ditetapkan.

(2) Jika tempat bermastautin biasa atau tempat utama perniagaan pemohon adalah di luar Malaysia, pemohon hendaklah melantik seorang ejen di Malaysia yang kepadanya notis atau proses berhubungan dengan permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian boleh disampaikan, dan jika pemohon gagal melantik seorang ejen, Pendaftar boleh enggan meneruskan permohonan itu sehingga ejen sedemikian dilantik.

Permohonan
berbilang.

15. Dua reka bentuk perindustrian atau lebih boleh menjadi subjek bagi permohonan yang sama, dengan syarat reka bentuk perindustrian itu adalah berkaitan dengan kelas yang sama mengikut Klasifikasi Antarabangsa untuk Reka Bentuk Perindustrian atau berkaitan dengan set atau komposisi barang yang sama.

Tarikh
pemfailan.

16. Tarikh pemfailan sesuatu permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian hendaklah tarikh terawal apabila semua syarat yang berikut yang berhubungan dengan permohonan itu dipenuhi:

- (a) dokumen yang tersebut dalam seksyen 14 mengenal pasti pemohon atau pemohon-pemohon;
- (b) bilangan representasi mengikut bilangan yang ditetapkan, barang yang padanya reka bentuk perindustrian itu digunakan difailkan di Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian; dan
- (c) fee permohonan yang ditetapkan dibayar.

17. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, tarikh prioriti sesuatu permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian ialah tarikh pemfailan permohonan itu.

Tarikh prioriti dan hak prioriti di bawah triti atau konvensyen.

(2) Sesuatu permohonan boleh, menurut mana-mana triti atau konvensyen antarabangsa yang Malaysia menjadi satu pihak kepadanya, mengandungi akuan yang menuntut prioriti satu permohonan negara, serantau atau antarabangsa atau lebih yang terdahulu yang difailkan oleh pemohon atau pendulunya dalam hakmilik dalam atau bagi mana-mana negara yang menjadi pihak kepada triti atau konvensyen itu, dan dalam mana-mana kes sedemikian, tarikh prioriti hendaklah tarikh terawal permohonan negara, serantau atau antarabangsa itu difailkan:

Dengan syarat bahawa permohonan yang dibuat di bawah Akta ini telah difailkan dalam tempoh enam bulan dari tarikh terawal itu.

(3) Jika permohonan itu mengandungi suatu akuan di bawah subseksyen (2), Pendaftar boleh menghendaki supaya pemohon itu, dalam masa yang ditetapkan, memberikan satu salinan permohonan yang terdahulu yang diperakui sebagai betul oleh pejabat di mana ia telah difailkan.

(4) Kesan akuan yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan dalam triti atau konvensyen yang disebut dalam subseksyen itu.

(5) Jika mana-mana kehendak seksyen ini atau mana-mana peraturan yang berkaitan dengannya telah tidak dipatuhi, maka akuan yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah dianggap tak sah.

18. Pemohon pendaftaran suatu reka bentuk perindustrian boleh, melalui notis bertulis kepada Pendaftar, menarik balik permohonan itu pada bila-bila masa semasa menunggu jawapan, dan mana-mana penarikan balik itu tidak boleh dibatalkan.

Penarikan balik permohonan.

19. (1) Pendaftar boleh, atas permintaan yang dibuat kepadanya dengan cara yang ditetapkan, meminda sesuatu permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian.

Pindaan permohonan.

(2) Sesuatu pindaan di bawah subseksyen (1) tidak boleh dibuat jika, akibat daripada pindaan itu, ruang lingkup permohonan itu akan bertambah dengan kemasukan apa-apa perkara yang tidak pada matannya didedahkan dalam permohonan yang difailkan pada mulanya.

Pembahagian
permohonan
selepas
pindaan.

20. (1) Jika permintaan untuk membuat pindaan di bawah seksyen 19 dibenarkan, dan pindaan itu telah mengakibatkan satu reka bentuk perindustrian atau lebih terkeluar daripada permohonan yang mula-mula, pemohon boleh pada bila-bila masa semasa menunggu jawapan kepada permohonan yang mula-mula membuat suatu permohonan lanjutan, yang disebut "permohonan terbahagi" dalam seksyen ini, untuk mendaftarkan reka bentuk perindustrian yang terkeluar itu.

(2) Suatu permohonan terbahagi hendaklah berhak mendapat tarikh prioriti permohonan yang mula-mula.

Penelitian.

21. (1) Jika sesuatu permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian telah diuntukkan tarikh pemfailan dan permohonan itu tidak ditarik balik, Pendaftar hendaklah menyebabkan permohonan itu diteliti bagi menentukan sama ada ia memenuhi kehendak-kehendak formal.

(2) Jika, hasil daripada penelitian itu, telah ditentukan bahawa permohonan itu tidak memenuhi kehendak-kehendak formal, Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon dan memberinya suatu peluang untuk memberikan pandangan tentang keputusan itu dan untuk meminda permohonan dalam tempoh yang ditetapkan supaya kehendak-kehendak itu dipenuhi.

(3) Jika, dalam tempoh yang ditetapkan, pemohon gagal meyakinkan Pendaftar bahawa kehendak-kehendak formal telah dipenuhi atau meminda permohonan supaya kehendak itu dipenuhi, Pendaftar boleh enggan mendaftarkan reka bentuk perindustrian itu.

(4) Pendaftar tidak boleh enggan di bawah subseksyen (3) untuk mendaftarkan sesuatu reka bentuk perindustrian sehingga pemohon sudah diberi peluang untuk didengar.

(5) Dalam seksyen ini, "kehendak-kehendak formal" ertinya kehendak-kehendak Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan itu sebagai kehendak-kehendak formal bagi maksud Akta ini.

22. (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa suatu permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian mematuhi kehendak seksyen 21, dia hendaklah—

Pendaftaran
dan
penyiaran

- (a) mendaftarkan reka bentuk perindustrian itu dengan merekodkan butir-butir yang ditetapkan dalam Daftar; dan
- (b) mengeluarkan kepada pemohon perakuan pendaftaran reka bentuk perindustrian itu dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas itu Pendaftar hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta*—

- (a) suatu notis bahawa reka bentuk perindustrian itu telah didaftarkan;
- (b) nama dan alamat pemunya berdaftaranya; dan
- (c) apa-apa perkara yang membentuk atau berhubungan dengan reka bentuk perindustrian itu yang pada fikirannya wajar disiarkan.

(3) Perakuan pendaftaran hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan dalamnya dan kesahan pendaftaran.

23. (1) Jika suatu reka bentuk perindustrian sudah didaftarkan berkenaan dengan apa-apa barang dan pemunya reka bentuk perindustrian itu membuat suatu permohonan—

Pendaftaran
reka bentuk
perindustrian
yang sama
berkenaan
dengan
barang lain.

- (a) untuk mendaftarkan, berkenaan dengan satu barang lain atau lebih, reka bentuk perindustrian berdaftar itu; atau

- (b) untuk mendaftarkan, berkenaan dengan barang yang sama atau satu barang lain atau lebih, suatu reka bentuk perindustrian yang terdiri daripada reka bentuk perindustrian berdaftar itu dengan ubahsuaian atau kelainan yang tidak mencukupi untuk mengubah ciri atau untuk secara substansial menyentuh identitinya,

permohonan itu tidak boleh ditolak, dan pendaftaran yang dibuat berasaskan permohonan itu tidak boleh dibatalkan semata-mata disebabkan oleh pendaftaran yang terdahulu, atau apa-apa penzahiran atau penggunaan selepas tarikh prioriti berkenaan dengan permohonan bagi pendaftaran yang terdahulu, reka bentuk perindustrian yang telah didaftarkan berasaskan permohonan itu.

(2) Tempoh pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian yang didaftarkan mengikut seksyen ini tidak boleh dilanjutkan melebihi tempoh pendaftaran reka bentuk perindustrian berdaftar yang asal dan apa-apa tempoh lanjutan kepada tempoh itu.

Pembetulan
Daftar.

24. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini—

- (a) Mahkamah boleh, atas permohonan mengikut cara yang ditetapkan daripada mana-mana orang yang terkilan dengan atau berkepentingan dalam ketakmasukannya atau peninggalannya daripada Daftar apa-apa catatan, atau dengan atau dalam apa-apa catatan yang dibuat dalam Daftar tanpa sebab yang mencukupi, atau apa-apa catatan yang secara salah masih ada dalam Daftar, atau apa-apa kesilapan atau kecacatan apa-apa catatan dalam Daftar, membuat apa-apa perintah supaya dimasukkan, dibuat, dikeluarkan atau diubah apa-apa catatan sedemikian supaya dibetulkan apa-apa kesilapan atau kecacatan sedemikian yang didapatinya perlu;
- (b) Mahkamah boleh, dalam apa-apa prosiding di bawah seksyen ini, memutuskan apa-apa soalan

yang mungkin perlu atau suaimanfaat untuk diputuskan berkaitan dengan pembetulan Daftar;

- (c) dalam hal fraud dalam pendaftaran, penyerahhakan atau pindahmilik sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar atau jika pada pendapatnya adalah untuk kepentingan awam dia berbuat demikian, Pendaftar sendiri boleh memohon kepada Mahkamah di bawah seksyen ini;
- (d) suatu perintah Mahkamah yang membetulkan Daftar hendaklah mengarahkan supaya notis tentang perintah itu disampaikan kepada Pendaftar mengikut cara yang ditetapkan dan Pendaftar hendaklah apabila menerima notis itu membetulkan Daftar dengan sewajarnya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah tidak boleh membuat apa-apa perintah atas permohonan seseorang selain daripada Pendaftar sehingga notis tentang permohonan itu telah diberikan kepada Pendaftar yang berhak hadir dan didengar tentang permohonan itu.

(3) Apa-apa permohonan bagi membetulkan Daftar, yang di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada Mahkamah dan jika pemohon bukan Pendaftar sendiri, boleh, mengikut pilihan pemohon, dibuat pada mulanya kepada Pendaftar kecuali jika sesuatu tindakan berkaitan dengan reka bentuk perindustrian yang berkenaan masih belum selesai.

(4) Pendaftar boleh pada mana-mana peringkat apa-apa permohonan untuk membetulkan Daftar yang dibuat kepadanya merujukkan mana-mana permohonan itu kepada Mahkamah, atau Pendaftar boleh, setelah mendengar pemohon mana-mana permohonan sedemikian dan juga pemunya jika pemohon bukan pemunya reka bentuk perindustrian berdaftar itu, memutuskan persoalan antara mereka.

BAHAGIAN IV

TEMPOH PENDAFTARAN

Tempoh pendaftaran.

25. (1) Pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada tarikh pemfailan permohonan untuk mendaftarkan reka bentuk perindustrian itu dan hendaklah berkuatkuasa selama lima tahun selepas itu.

(2) Tempoh pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian boleh dilanjutkan dua kali lagi berturut-turut selama tempoh lima tahun bagi setiap kali lanjutan jika suatu permohonan bagi mendapatkan pelanjutan dibuat dalam borang yang ditetapkan, dan fee pelanjutan yang ditetapkan dibayar sebelum luput tempoh pendaftaran semasa.

(3) Tempoh tangguhan selama enam bulan dari tarikh apa-apa fee pelanjutan yang belum dibayar kena dibayar hendaklah diberikan bagi pembayaran fee pelanjutan itu, tertakluk kepada pembayaran apa-apa surcaj sebagaimana yang ditetapkan.

(4) Jika sesuatu permohonan pelanjutan tidak dibuat atau sesuatu fee pelanjutan tidak dibayar mengikut kehendak seksyen ini, pendaftaran hendaklah luput dan notis tentang luputnya pendaftaran itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Kemasukan semula pendaftaran luput.

26. (1) Dalam masa satu tahun dari tarikh notis tentang luputnya pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian disiarkan dalam *Warta*, pemunya atau penggantinya dalam hakmilik boleh memohon untuk memasukkan semula pendaftaran reka bentuk perindustrian itu dengan—

- (a) memfailkan suatu permintaan bagi kemasukan semula itu dalam borang yang ditetapkan;
- (b) membayar apa-apa fee pelanjutan yang belum jelas dan surcaj yang ditetapkan bagi kemasukan semula; dan
- (c) memfailkan suatu pernyataan yang menerangkan hal keadaan yang menyebabkan kegagalan untuk melanjutkan pendaftaran reka bentuk perindustrian itu.

(2) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa kegagalan untuk melanjutkan pendaftaran itu tidak disengajakan atau disebabkan oleh kesilapan, dia boleh menyiarkan dalam *Warta* suatu notis yang menyatakan niat untuk memasukkan semula pendaftaran yang telah luput itu.

(3) Mana-mana orang yang berkepentingan boleh, dalam masa tiga bulan dari tarikh penyiaran itu, memberikan notis kepada Pendaftar tentang bangkangan terhadap kemasukan semula pendaftaran itu dan hendaklah menyampaikan satu salinan notis itu kepada pemohon kemasukan semula itu.

(4) Jika tiada notis bangkangan diberikan mengikut subseksyen (3) dalam tempoh tiga bulan berikutan tarikh penyiaran yang disebut dalam subseksyen (2), Pendaftar hendaklah memasukkan semula pendaftaran reka bentuk perindustrian itu, yang hendaklah berkuatkuasa seolah-olah pendaftaran itu tidak luput, dan dia hendaklah menyiarkan suatu notis dalam *Warta* bahawa pendaftaran itu telah dimasukkan semula.

(5) Jika notis bangkangan diberikan mengikut subseksyen (3), Pendaftar hendaklah, selepas memberi pembangkang dan pemohon kemasukan semula peluang untuk didengar, memutuskan perkara itu, dan jika dia memutuskan untuk memasukkan semula pendaftaran, maka pendaftaran itu hendaklah berkuatkuasa seolah-olah ia tidak luput, dan dia hendaklah menyiarkan suatu notis dalam *Warta* bahawa pendaftaran itu telah dimasukkan semula sedemikian.

(6) Tindakan atau prosiding tidak boleh diambil berkenaan dengan sesuatu pelanggaran reka bentuk perindustrian berdaftar yang dilakukan antara tarikh pendaftaran reka bentuk perindustrian itu terhenti berkuatkuasa dengan tarikh penyiaran dalam *Warta* tentang kemasukan semula pendaftaran reka bentuk perindustrian itu.

(7) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar untuk membenarkan atau enggan membenarkan kemasukan semula di bawah seksyen ini boleh membuat rayuan kepada Mahkamah.

Pembatalan pendaftaran dan pemberian lesen wajib.

27. (1) Pada bila-bila masa selepas pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian, mana-mana orang yang berkepentingan boleh memohon kepada Mahkamah—

- (a) supaya dibatalkan pendaftaran reka bentuk perindustrian itu atas alasan, tertakluk kepada seksyen 12, bahawa reka bentuk perindustrian itu telah dizahirkan kepada awam sebelum tarikh prioriti permohonan untuk mendaftarkan reka bentuk perindustrian itu;
- (b) supaya dibatalkan pendaftaran reka bentuk perindustrian itu atas alasan bahawa pendaftaran reka bentuk perindustrian itu telah diperolehi dengan cara yang melanggar undang-undang; atau
- (c) supaya diberi lesen wajib berkenaan dengan reka bentuk perindustrian itu atas alasan bahawa reka bentuk perindustrian itu tidak digunakan di Malaysia melalui apa-apa proses perindustrian atau cara perindustrian pada barang yang berkenaan dengannya ia didaftarkan setakat yang munasabah mengikut hal keadaan kes itu,

dan Mahkamah boleh membuat perintah sedemikian berasaskan permohonannya itu sebagaimana yang didapatinya adil.

(2) Peruntukan perenggan (1)(a) dan (1) (b) tidaklah menjejaskan hak pemunya sesuatu reka bentuk perindustrian untuk meminta Pendaftar membatalkan pendaftaran reka bentuk perindustrian yang dia menjadi pemunya, atau kuasa Pendaftar untuk mengarahkan pembatalan pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian atas apa-apa alasan lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

Perintah Mahkamah.

28. Tiada perintah yang tak konsisten dengan mana-mana triti, konvensyen, perkiraan atau perjanjian dengan mana-mana negara di luar Malaysia boleh dibuat oleh Mahkamah di bawah seksyen 27.

BAHAGIAN V

HAK PEMUNYA, PENYERAHHAKAN DAN PERPINDAHAN

29. (1) Hak pemunya berkenaan dengan sesuatu reka bentuk perindustrian adalah harta sendiri dan boleh diserahkan dan dipindahmilik melalui kuatkuasa undang-undang. Hak pemunya terhadap harta sendin.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, undang-undang yang terpakai bagi pemunyaan dan penurunan harta sendiri hendaklah terpakai berhubungan dengan sesuatu reka bentuk perindustrian berhubungan dengan hak-hak dalam tindakan yang lain.

(3) Sesuatu penyerahhakan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah secara bertulis.

30. (1) Jika mana-mana orang menjadi berhak melalui penyerahhakan atau perpindahan atau melalui kuatkuasa undang-undang lain kepada sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar atau permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian, dia hendaklah memohon kepada Pendaftar mengikut cara yang ditetapkan supaya penyerahhakan, perpindahan atau kuatkuasa lain di sisi undang-undang itu direkodkan dalam Daftar. Pendaftaran penyerahhakan, perpindahan atau kuatkuasa undang-undang lain.

(2) Tiada apa-apa penyerahhakan, perpindahan atau kuatkuasa lain di sisi undang-undang berkenaan dengan sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar boleh berkuatkuasa terhadap pihak ketiga melainkan jika direkodkan dalam Daftar.

31. (1) Jika suatu reka bentuk perindustrian didaftarkan atas nama dua orang atau lebih, setiap seorang daripada mereka, tertakluk kepada apa-apa perjanjian yang sebaliknya antara mereka, hendaklah mempunyai hak yang sama rata terhadap bahagian yang tak dipecahkan dalam reka bentuk perindustrian berdaftar itu. Pemunyaan bersama.

(2) Jika dua orang atau lebih adalah pemunya bersama suatu reka bentuk perindustrian berdaftar, maka, tertakluk kepada seksyen ini dan kepada apa-apa perjanjian yang sebaliknya antara mereka—

(a) setiap seorang daripada mereka, dengan bertindak sendiri atau melalui ejennya, adalah berhak untuk

melakukan apa-apa perbuatan, untuk faedah dirinya dan tanpa kebenaran atau keperluan untuk memberikan penjelasan kepada orang lain, yang jika tidak kerana subseksyen ini akan menjadi suatu pelanggaran reka bentuk perindustrian berdaftar itu; dan

(b) apa-apa perbuatan sedemikian tidaklah menjadi suatu pelanggaran reka bentuk perindustrian berdaftar.

(3) Jika dua orang atau lebih adalah pemunya bersama suatu reka bentuk perindustrian berdaftar, maka, tertakluk kepada apa-apa perjanjian yang sebaliknya antara mereka, tiada seorang pun daripada mereka boleh memberikan lesen berkenaan dengan penggunaan reka bentuk perindustrian berdaftar itu, atau menyerahkan atau menggadaikan kepentingannya dalam reka bentuk perindustrian berdaftar itu tanpa mendapat kebenaran pemunya yang lain.

(4) Peruntukan seksyen ini hendaklah mempunyai kuatkuasa berhubungan dengan hak untuk memohon untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian sebagaimana ia berkuatkuasa berhubungan dengan reka bentuk perindustrian berdaftar, dan sebutan tentang reka bentuk perindustrian berdaftar hendaklah termasuk sebutan tentang hak untuk memohon untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian.

BAHAGIAN VI

PELANGGARAN

Pelanggaran reka bentuk perindustrian berdaftar.

32. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, pemunya sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk membuat atau mengimport untuk dijual atau disewakan, atau untuk menggunakan bagi tujuan apa-apa perdagangan atau perniagaan, atau untuk menjual, menyewakan atau menawarkan atau mendedahkan untuk dijual atau disewakan, apa-apa barang yang padanya reka bentuk perindustrian berdaftar itu telah digunakan.

(2) Tertakluk kepada seksyen 30, seseorang melanggar hak yang diberikan oleh pendaftaran sesuatu reka bentuk

perindustrian jika dia, tanpa lesen atau kebenaran pemunya reka bentuk perindustrian itu membuat mana-mana perkara yang berikut semasa pendaftaran itu masih berkuatkuasa:

- (a) menggunakan reka bentuk perindustrian itu atau apa-apa tiruan palsu atau nyata reka bentuk perindustrian itu pada apa-apa barang yang berkenaan dengannya reka bentuk perindustrian itu didaftarkan;
- (b) mengimport ke dalam Malaysia untuk dijual, atau untuk digunakan bagi maksud apa-apa perdagangan atau perniagaan, apa-apa barang yang padanya, telah digunakan reka bentuk perindustrian itu atau apa-apa tiruan palsu atau nyata reka bentuk perindustrian itu di luar Malaysia tanpa lesen atau kebenaran pemunya; atau
- (c) menjual, atau menawarkan atau menyimpan untuk dijual, atau menyewakan atau menawarkan atau menyimpan untuk disewakan, mana-mana barang yang diperihalkan dalam perenggan (a) dan (b).

(3) Walau apa pun subseksyen (1), hak pemunya sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar tidaklah meliputi perbuatan berkenaan dengan sesuatu barang yang padanya reka bentuk perindustrian berdaftar itu digunakan, oleh atau dengan kebenaran pemunya, selepas barang itu diimport atau dijual di Malaysia dengan sah.

33. (1) Pemunya sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar hendaklah mempunyai hak untuk memulakan prosiding undang-undang terhadap mana-mana orang yang telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana hak yang diberikan oleh pendaftaran reka bentuk perindustrian itu.

Prosiding
pelanggaran.

(2) Pemunya sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar hendaklah mempunyai hak yang sama terhadap mana-mana orang yang telah melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan pelanggaran berlaku.

(3) Prosiding yang tersebut dalam subseksyen (1) dan (2) tidak boleh dimulakan selepas lima tahun dari perbuatan pelanggaran itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "pemunya sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar" ertinya pemunya berdaftar dan termasuklah pemegang serahhak, pemegang lesen atau benefisiari sesuatu lesen wajib yang diberikan di bawah seksyen 27; tetapi jika apa-apa prosiding dimulakan oleh seseorang selain daripada pemunya berdaftar, mestilah dibuktikan bahawa dia telah membuat permintaan terlebih dahulu kepada pemunya berdaftar untuk memulakan prosiding bagi pelanggaran yang diadukan olehnya dan bahawa pemunya berdaftar itu telah enggan atau gagal untuk memulakan prosiding dalam tempoh tiga bulan dari penerimaan permintaan itu, tanpa bagaimanapun menjejaskan hak pemunya berdaftar itu untuk turut bersama dalam prosiding itu.

Pembelaan dalam tindakan terhadap pelanggaran.

34. Apa-apa alasan yang membolehkan pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian dibatalkan boleh digunakan sebagai suatu pembelaan dalam sesuatu tindakan pelanggaran reka bentuk perindustrian berdaftar.

Remedi bagi pelanggaran.

35. (1) Jika pemunya sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar membuktikan bahawa suatu pelanggaran telah dilakukan atau sedang dilakukan, Mahkamah boleh mengawardkan ganti rugi atau membuat perintah pengemukaan akaun keuntungan dan boleh memberikan perintah injunksi untuk menghalang pelanggaran lanjut dan apa-apa remedi lain di sisi undang-undang.

(2) Jika pemunya sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar membuktikan bahawa perbuatan sedang dilakukan yang boleh menyebabkan suatu pelanggaran berlaku, Mahkamah boleh memberikan perintah injunksi untuk menghalang pelanggaran dan apa-apa remedi lain di sisi undang-undang.

(3) Mahkamah boleh enggan mengawardkan ganti rugi, atau enggan membuat perintah pengemukaan akaun

keuntungan, berkenaan dengan sesuatu pelanggaran, jika defendan memuaskan Mahkamah—

- (a) bahawa, semasa pelanggaran itu, defendan tidak tahu bahawa reka bentuk perindustrian itu telah didaftarkan; dan
- (b) bahawa defendan telah, sebelum itu, mengambil segala langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada reka bentuk perindustrian itu telah didaftarkan.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN

36. Mana-mana orang yang—

Pemalsuan
Daftar, dsb.

- (a) membuat atau menyebabkan dibuat suatu catatan palsu dalam Daftar;
- (b) membuat atau menyebabkan dibuat suatu catatan palsu dalam mana-mana salinan terperaku sesuatu dokumen atau penerbitan di Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian;
- (c) membuat atau menyebabkan dibuat suatu dokumen palsu yang berupa sebagai suatu salinan catatan dalam Daftar;
- (d) mengemukakan atau memberikan atau menyebabkan dikemukakan atau diberikan sebagai keterangan mana-mana dokumen yang tersebut dalam perenggan (b) atau (c) dengan rnengetahui bahawa dokumen itu atau mana-mana catatan dalamnya adalah palsu; atau
- (e) membuat tuntutan secara palsu bahawa dia adalah pemunya reka bentuk perindustrian berdaftar itu atau menyatakan bahawa dia bertindak sebagai, atau bagi pihak, pemunya reka bentuk perindustrian berdaftar itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pernyataan
palsu
tentang
pendaftaran.

37. (1) Mana-mana orang yang membuat pernyataan palsu bahawa apa-apa jua pun yang dilupuskan olehnya untuk mendapat balasan berharga ialah suatu barang yang dilindungi oleh suatu pendaftaran reka bentuk perindustrian adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang yang melupuskan untuk mendapat balasan berharga apa-apa barang yang telah dicap, diukir atau ditera padanya atau selainnya digunakan padanya perkataan "reka bentuk perindustrian berdaftar" atau apa-apa perkataan lain yang menyatakan atau menyiratkan bahawa barang itu adalah suatu barang yang padanya reka bentuk perindustrian berdaftar telah digunakan, hendaklah dikira sebagai menggambarkan bahawa barang itu adalah suatu barang yang dilindungi oleh suatu pendaftaran reka bentuk perindustrian.

(3) Subseksyen (1) tidaklah terpakai jika pernyataan dibuat berhubungan dengan sesuatu reka bentuk perindustrian selepas pendaftaran berkenaan dengan reka bentuk itu telah habis tempoh atau dibatalkan dan sebelum tamat suatu tempoh yang semunasabahnya cukup untuk membolehkan orang itu mengambil langkah untuk memastikan bahawa pernyataan itu tidak dibuat atau tidak terus dibuat.

(4) Dalam prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini adalah menjadi suatu pembelaan bagi mana-mana orang jika dia membuktikan bahawa dia telah menggunakan usaha wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

(5) Seksyen ini hendaklah mempunyai kuatkuasa berhubungan dengan sesuatu hak untuk memohon pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian sebagaimana ia mempunyai kuatkuasa berhubungan dengan sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar, dan sebutan tentang reka bentuk perindustrian berdaftar hendaklah termasuk sebutan tentang hak untuk memohon pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian.

38. Mana-mana orang yang menggunakan di tempat perniagaannya atau pada apa-apa dokumen yang dikeluarkan olehnya atau selainnya perkataan "Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian" atau apa-apa perkataan lain yang memberikan maksud bahawa tempat perniagaannya adalah atau secara rasminya adalah berkaitan dengan Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penggunaan nama "Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian".

39. (1) Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini yang dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan telah terbukti dilakukan dengan kebenaran atau pembiaran oleh, atau yang disebabkan oleh apa-apa kecuaiian pada pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpama itu dalam pertubuhan perbadanan itu, atau mana-mana orang yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian, maka dia, dan juga pertubuhan perbadanan itu, adalah melakukan kesalahan itu dan boleh didakwa dan boleh dihukum dengan sewajarnya sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

(2) Jika hal-ehwal sesuatu pertubuhan perbadanan diuruskan oleh anggota-anggotanya, maka subseksyen (1) hendaklah terpakai berhubung dengan perbuatan dan keingkaran seseorang anggota berkaitan dengan fungsi pengurusannya seolah-olah dia ialah seorang pengarah pertubuhan perbadanan itu.

BAHAGIAN VIII

KUASA-KUASA LAIN PENDAFTAR

40. (1) Pemunya sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar boleh, mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri, meminta Pendaftar supaya meminda sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar atau apa-apa dokumen yang dikaitkan dengannya bagi maksud membetulkan silap tulis, kesilapan nyata atau bagi apa-apa sebab lain yang dapat diterima oleh Pendaftar.

Pindaan reka bentuk perindustrian berdaftar.

(2) Permintaan supaya dibuat sesuatu pindaan hendaklah disertakan dengan fee yang ditetapkan.

(3) Kecuali bagi maksud membetulkan silap tulis atau kesilapan nyata, tiada pindaan boleh dibenarkan di bawah seksyen ini jika pindaan itu akan menyebabkan penzahiran perkara yang melebihi apa yang dizahirkan sebelum pindaan itu, atau memperluas perlindungan yang diberikan pada masa pendaftaran reka bentuk perindustrian yang berkenaan.

(4) Tiada pindaan boleh dibenarkan dibuat dalam pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian di bawah seksyen ini jika ada prosiding mahkamah yang belum selesai dan dalam prosiding itu kesahan pendaftaran reka bentuk perindustrian itu boleh dijadikan isu.

(5) Jika Daftar telah dipinda di bawah seksyen ini, Pendaftar boleh menghendaki supaya perakuan pendaftaran itu diserahkan kepadanya dan boleh membatalkan perakuan pendaftaran itu dan mengeluarkan perakuan pendaftaran baru dengan apa-apa pindaan berbangkit yang menjadi perlu oleh sebab pindaan kepada Daftar.

Kuasa am
Pendaftar.

41. (1) Pendaftar boleh, pada amnya bagi maksud Akta ini—

- (a) memanggil saksi;
- (b) menerima keterangan bersumpah;
- (c) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen atau barang; dan
- (d) mengawardkan kos terhadap sesuatu pihak dalam apa-apa prosiding di hadapannya.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa saman, perintah atau arahan yang dibuat oleh Pendaftar di bawah perenggan (1)(a), (1)(b) atau (1)(c) tanpa apa-apa alasan yang sah di sisi undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Kos yang diawardkan oleh Pendaftar boleh didapatkan, jika berlaku keingkaran membuat bayaran, dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten oleh orang yang kepadanya kos itu telah diawardkan.

42. Jika apa-apa kuasa budi bicara diberikan kepada Pendaftar oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dia tidak boleh menjalankan kuasa itu terhadap mana-mana orang yang mungkin dimudartkan oleh keputusannya tanpa memberi orang itu peluang untuk didengar.

Penjalanan
kuasa budi
bicara.

43. Tertakluk kepada peruntukan subseksyen 17(2) dan seksyen 50, jika melalui Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini suatu masa ditetapkan dan dalam masa itu sesuatu perbuatan atau perkara hendaklah dilakukan, Pendaftar boleh, melainkan jika diarahkan selainnya dengan nyata oleh Mahkamah, melanjutkan masa itu sama ada sebelum atau selepas habis tempohnya, setelah fee yang ditetapkan dibayar.

Pelanjutan
masa

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

44. Apa-apa notis yang dikehendaki supaya diberikan atau dibenarkan diberikan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan apa-apa permohonan atau dokumen lain yang dikehendaki atau dibenarkan dibuat atau difailkan, boleh diberikan, dibuat atau difailkan melalui pos.

Penyampaian
melalui
pos.

45. (1) Jika sesuatu perbuatan dikehendaki oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini supaya dilakukan oleh atau terhadap mana-mana orang berkaitan dengan sesuatu reka bentuk perindustrian atau apa-apa prosedur yang berhubungan dengannya, perbuatan itu boleh, di bawah dan mengikut Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau dalam hal tertentu dengan keizinan khas Pendaftar, dilakukan oleh atau terhadap seorang ejen orang itu yang diberikuasa sewajarnya mengikut cara yang ditetapkan.

Ejen.

(2) Pendaftar tidak terikat untuk mengiktiraf sebagai ejen seseorang yang pernah disabitkan atas kesalahan jenayah yang melibatkan fraud atau kejujuran, atau seorang bankrap yang belum dilepaskan atau telah digugurkan atau selainnya disingkirkan daripada daftar keahlian mana-mana badan profesional atau digantung buat sementara waktu daripada menjalankan amalan oleh mana-mana badan atau jawatankuasa badan profesional itu.

Rayuan.

46. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan atau perintah Pendaftar boleh merayu kepada Mahkamah.

(2) Kaedah prosedur yang sama tentang rayuan hendaklah terpakai bagi rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1) seperti yang terpakai bagi rayuan kepada Mahkamah Tinggi daripada suatu keputusan mahkamah rendah dalam perkara sivil.

Peraturan-peraturan.

47. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh membuat peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan bagi kesemua atau mana-mana yang berikut:

- (a) mengawalselia prosedur yang hendaklah diikuti berkaitan dengan apa-apa prosiding atau perkara lain di hadapan Pendaftar atau Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian di bawah Akta ini termasuklah penyampaian dokumen;
- (b) mengelaskan barang bagi maksud pendaftaran reka bentuk perindustrian;
- (c) membuat atau menghendaki penduaan dokumen yang berkaitan dengan pendaftaran reka bentuk perindustrian;
- (d) menetapkan fee yang hendaklah dibayar berkaitan dengan apa-apa prosiding atau perkara lain atau berkaitan dengan pemberian apa-apa

perkhidmatan oleh Pendaftar atau Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian, dan menetapkan amaun fee itu dan membenarkan fee yang berbeza dalam keadaan-keadaan tertentu untuk kes tertentu yang ditetapkan;

- (e) menetapkan borang dan perkara lain yang akan digunakan di bawah Akta ini;
- (f) mengawalselia penyimpanan Daftar dan menetapkan bentuk dan kandungannya;
- (g) mengawalselia cara memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding di hadapan Pendaftar di bawah Akta ini dan memberi Pendaftar kuasa untuk memaksa kehadiran saksi dan penzahiran dan pengemukaan dokumen;
- (h) membuat apa-apa jua yang dikehendaki supaya dilakukan berkaitan dengan apa-apa prosiding atau perkara lain di hadapan Pendaftar atau Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian;
- (i) mengawal pengiktirafan ejen yang mewakili pemohon atau pihak lain di hadapan Pendaftar atau Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian, dan menetapkan kelayakan dan syarat lain yang hendaklah dipenuhi oleh ejen itu sebelum dibenarkan hadir di hadapan Pendaftar atau Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian, dan selainnya mengawalselia kelakuan mereka sebagai ejen sedemikian;
- (j) menetapkan had masa; dan
- (k) secara umum mengawalselia perkara-perkara yang berhubungan dengan urusan pendaftaran reka bentuk perindustrian yang dijalankan di Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian sama ada ditetapkan dengan khusus atau tidak di bawah Akta ini.

Negara
konvensyen.

48. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* bagi maksud memenuhi sesuatu triti, korwensyen, perkiraan atau perjanjian antara Malaysia dengan suatu negara lain, mengisytiharkan bahawa negara yang dinyatakan dalam perintah itu ialah negara korwensyen bagi maksud Akta ini.

(2) Jika Menteri, dengan perintah mengisytiharkan bahawa sesuatu permohonan bagi mendapatkan perlindungan berkenaan dengan suatu reka bentuk perindustrian adalah, mengikut terma triti yang wujud antara dua negara konvensyen atau lebih, setara dengan permohonan yang dibuat di salah satu negara konvensyen itu, permohonan yang mula-mula disebut hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan telah dibuat di negara konvensyen itu.

(3) Jika Menteri, melalui perintah, mengisytiharkan bahawa sesuatu permohonan bagi mendapatkan perlindungan berkenaan dengan suatu reka bentuk perindustrian adalah, mengikut undang-undang suatu negara koiwensyen, setara dengan permohonan yang dibuat di negara korwensyen itu, permohonan yang mula-mula disebut hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan telah dibuat di negara konvensyen itu.

Peruntukan
pemansuhan
dan
kecualian.
Akta 214
Sabah
Bab 152.
Swk
Bab 59.

49. (1) Akta Reka Bentuk United Kingdom (Perlindungan) 1949, Ordinan Reka Bentuk United Kingdom (Perlindungan) bagi Sabah dan Ordinan Reka Bentuk (United Kingdom) bagi Sarawak (yang semuanya disebut "undang-undang termansuh" kemudian daripada ini) adalah dimansuhkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang termansuh hendaklah, setakat yang perundangan subsidiari itu tidak bertentangan dengan peruntukan Akta ini, terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ia telah dibuat di bawah Akta ini dan boleh dimansuhkan, diperluas, diubah atau dipinda dengan sewajarnya;
- (b) apa-apa pelantikan yang dibuat di bawah undang-undang termansuh atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang termansuh

hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ia telah dibuat di bawah Akta ini melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya;

- (c) apa-apa pendaftaran yang dilindungi di bawah undang-undang termansuh dan berkuatkuasa sebaik sahaja sebelum Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah, tertakluk kepada terma, syarat dan tempoh kesahan yang dinyatakan dalam pendaftaran itu, terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan yang sama seolah-olah ia telah dilaksanakan di bawah Akta ini, tetapi apa-apa pelanjutan yang dibuat selepas itu hendaklah menurut subseksyen 50(2).

50. (1) Jika, sebelum Akta ini mula berkuatkuasa, suatu permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian telah dibuat di bawah Akta Pendaftaran Reka Bentuk 1949 bagi United Kingdom sebagaimana yang dipinda oleh Akta Hakcipta, Reka Bentuk dan Paten 1988 bagi United Kingdom dan menunggu pendaftaran, pemohon itu boleh, dalam masa dua belas bulan dari tarikh Akta ini mula berkuatkuasa, membuat permohonan untuk mendaftarkan reka bentuk perindustrian itu di bawah Akta ini, dan permohonan itu hendaklah diberi tarikh prioriti yang telah diberikan di United Kingdom.

Peralihan.

*12, 13 & 14
Geo. VI
(U.K. 1949)
c. 88
(U.K. 1988)
c. 48.*

(2) Perakuan pendaftaran yang diberikan di bawah Akta Pendaftaran Reka Bentuk 1949 bagi United Kingdom hendaklah mempunyai tempoh kesahan maksimum yang diberikan di bawah undang-undang yang dimansuhkan itu dan bagi maksud ini, prosedur pelanjutan hendaklah seperti yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 47 Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat peruntukan yang lebih baik bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian di Malaysia. Apabila ia menjadi undang-undang, ia akan menggantikan Akta Reka

Bentuk United Kingdom (Perlindungan) 1949 bagi Malaysia Barat, Ordinan Reka Bentuk United Kingdom (Perlindungan) (Bab 152) bagi Sabah dan Ordinan Reka Bentuk (United Kingdom) (Bab 59) bagi Sarawak.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* membuat peruntukan bagi tajuk ringkas dan bertujuan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh mula berkuatkuasa Akta yang dicadangkan. *Pasal* ini juga mengandungi peruntukan pemakaian.
4. *Fasal 2* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan takat pemakaian Akta yang dicadangkan bagi permohonan untuk mendaftarkan reka bentuk perindustrian yang dibuat selepas Akta yang dicadangkan mula berkuatkuasa.
5. *Fasal 3* bertujuan mentakrifkan istilah-istilah tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

BAHAGIAN II

6. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pentadbiran.
7. *Fasal 4* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk melantik Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian, dan apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian dan Penolong Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian yang perlu bagi maksud Rang Undang-Undang ini.
8. *Fasal 5* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian.
9. *Fasal 6* bertujuan menghendaki Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Reka Bentuk Perindustrian.
10. *Fasal 7* menyatakan bahawa notis mengenai amanah tidak boleh dicatatkan dalam Daftar Reka Bentuk Perindustrian.
11. *Fasal 8* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pemeriksaan Daftar Reka Bentuk Perindustrian oleh orang ramai dan menghendaki supaya salinan benar yang diperakui atau cabutan mengenai apa-apa catatan dalam Daftar Reka Bentuk Perindustrian diberikan kepada sesiapa yang memintanya.
12. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa Daftar Reka Bentuk Perindustrian hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang segala perkara yang dikehendaki supaya dicatatkan atau diberikuasa untuk dicatatkan dalam Daftar itu oleh Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN III

13. Bahagian III mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran reka bentuk perindustrian.
14. *Fasal 10* bertujuan untuk menentukan pemunyaan sesuatu reka bentuk perindustrian.
15. *Fasal 11* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pemunya yang berhak memohon pendaftaran reka bentuk perindustrian.
16. *Fasal 12* menyatakan reka bentuk perindustrian yang boleh didaftarkan.
17. *Fasal 13* memperuntukkan bahawa reka bentuk perindustrian yang bertentangan dengan ketenteraman awam dan prinsip kemoralan tidak boleh didaftarkan.
18. *Fasal 14* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pengemukaan permohonan bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian beserta dengan dokumen dan maklumat yang dinyatakan dalam *fasal* ini.
19. *Fasal 15* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan permohonan berbilang.
20. *Fasal 16* bertujuan menentukan tarikh pemfailan sesuatu permohonan bagi pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian.
21. *Fasal 17* bertujuan mengadakan peruntukan supaya tarikh prioriti diberikan mengikut tarikh permohonan bagi pendattaran sesuatu reka bentuk perindustrian. Pemohon juga boleh menuntut prioriti menurut mana-mana triti atau konvensyen dengan syarat permohonan yang dibuat mematuhi syarat di bawah -Akta yang dicadangkan.
22. *Fasal 18* bertujuan membolehkan sesuatu permohonan bagi pendaftaran suatu reka bentuk perindustrian ditarik balik oleh pemohonnya.
23. *Fasal 19* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan permintaan untuk meminda permohonan bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian.
24. *Fasal 20* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pembahagian permohonan selepas pindaan.
25. *Fasal 21* memperuntukkan bahawa permohonan bagi pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian yang telah diberi tarikh pemfailan dan tidak ditarik balik hendaklah diteliti untuk menentukan bahawa kehendak di bawah Akta yang dicadangkan telah dipenuhi.

26. *Fasal 22* menyatakan tindakan tertentu yang perlu diambil oleh Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian bilamana apa-apa permohonan sudah memenuhi *fasal 21*, dan tindakan itu termasuklah mengeluarkan perakuan pendaftaran dan menyiarkan maklumat tentangnya dalam *Warta*.

27. *Fasal 23* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian berkenaan dengan barang lain.

28. *Fasal 24* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pembetulan Daftar Reka Bentuk Perindustrian. Apa-apa catatan yang silap dalam Daftar itu boleh dibetulkan tertakluk kepada peruntukan *fasal* ini.

BAHAGIAN IV

29. Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan tempoh pendaftaran.

30. *Fasal 25* memperkatakan tempoh pendaftaran dan pelanjutan tempoh itu.

31. *Fasal 26* memperkatakan kemasukan semula pendaftaran yang luput.

32. *Fasal 27* bertujuan membolehkan mana-mana orang yang berkepentingan memohon kepada Mahkamah untuk membatalkan pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian atau supaya diberi lesen wajib.

33. *Fasal 28* memperuntukkan bahawa Mahkamah tidak boleh membuat perintah di bawah *a^a/ 27* yang bercanggah dengan mana-mana triti, konvensyen dan perjanjian dengan mana-mana negara di luar Malaysia.

BAHAGIAN V

34. Bahagian V memperkatakan hak pemunya dan perkara yang berhubungan dengan penyerahakan dan perpindahan.

35. *Fasal 29* memperuntukkan bahawa hak pemunya berdaftar adalah harta peribadi dan dapat diserahkan atau berpindah.

36. *Fasal 30* membenarkan dicatatkan apa-apa penyerahakan atau perpindahan sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar dalam Daftar Reka Bentuk Perindustrian.

37. *Fasal 31* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pemunyaan bersama sesuatu reka bentuk perindustrian.

. BAHAGIAN VI

38. Bahagian VI mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pelanggaran.
39. *Fasal 32* memperkatakan pelanggaran di bawah Akta yang dicadangkan.
40. *Fasal 33* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan prosiding pelanggaran.
41. *Fasal 34* bertujuan memperuntukkan bahawa alasan yang berasaskannya pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian boleh dibatalkan boleh digunakan sebagai pembelaan dalam sesuatu tindakan terhadap pelanggaran.
42. *Fasal 35* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan remedi bagi pelanggaran.

BAHAGIAN VII

43. Bahagian VII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan.
44. *Fasal 36* memperkatakan pelbagai perbuatan yang merupakan pemalsuan yang boleh dihukum di bawah Akta yang dicadangkan.
45. *Fasal 37* memperkatakan kesalahan pernyataan palsu mengenai sesuatu reka bentuk yang dilindungi.
46. *Fasal 38* memperkatakan kesalahan yang dilakukan kerana menggunakan perkataan seperti "Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian".
47. *Fasal 39* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

BAHAGIAN VIII

48. Bahagian VIII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kuasa-kuasa lain Pendaftar.
49. *Fasal 40* memperkatakan kuasa Pendaftar untuk membuat pindaan kepada reka bentuk perindustrian berdaftar.
50. *Fasal 41* memperkatakan kuasa am Pendaftar, umpamanya kuasa untuk menyaman saksi, menerima keterangan bersumpah, menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen atau barang dan mengawardkan kos terhadap sesuatu pihak dalam apa-apa prosiding di hadapannya.

51. *Fasal 42* memperkatakan penjalanan kuasa budi bicara oleh Pendaftar, yang hendaklah memberikan peluang untuk didengar kepada mana-mana orang yang mungkin terjejas oleh keputusan Pendaftar itu.

52. *Fasal 43* memperuntukkan bahawa Pendaftar boleh melanjutkan masa untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dinyatakan dalam Akta yang dicadangkan ini melainkan jika diarahkan selainnya secara nyata oleh Mahkamah.

BAHAGIAN IX

53. Bahagian IX mengandungi peruntukan pelbagai.

54. *Fasal 44* memperuntukkan bahawa apa-apa notis yang dikehendaki di bawah Akta yang dicadangkan ini boleh diberikan melalui pos.

55. *Fasal 45* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pelantikan ejen bagi urusan pendaftaran reka bentuk perindustrian.

56. *Fasal 46* memperkatakan hak mana-mana orang yang terkilan untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi.

57. *Fasal 47* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta yang dicadangkan.

58. *Fasal 48* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengisytiharkan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, bahawa mana-mana negara yang dinyatakan ialah negara korwensyen.

59. *Fasal 49* mengandungi peruntukan pemansuhan dan kecualian tentang undang-undang yang sedia ada mengenai reka bentuk perindustrian.

60. *Pasal 50* mengandungi peruntukan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1847.]